

D692

U B995 AAB
PM - GANTUNG R R R

KOTA KINABALU, 7 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA MALAYSIA DAN AUSTRALIA TIDAK AKAN TERJEJAS EKORAN HUKUMAN GANTUNG KE ATAS DUA ORANG RAKYAT AUSTRALIA KERANA KESALAHAN MENGEDAR DADAH.

+SAYA TIDAK FIKIR BEGITU,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA APABILA DITANYA SEJURUS SETELAH BELIAU TIBA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KOTA KINABALU DI SINI UNTUK LAWATAN DUA HARI KE SABAH.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK SEMPAT DIMINTA PANDANGANNYA MENGENAI KESELAMATAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA KERANA PARA PEMBERITA DIHALANG OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KESELAMATAN.

RAKYAT AUSTRALIA ITU, BRIAN GEOFFREY CHAMBERS DAN KEVIN JOHN BARLOW, KEDUA-DUANYA 28, YANG DIHUKUM MATI KERANA MENGEDAR DADAH, DIGANTUNG DI PENAJARA PUDU, KUALA LUMPUR PUKUL 6 PAGI INI.

KEDUA-DUANYA DIJATUHI HUKUMAN MATI OLEH MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG PADA 1 OGOS TAHUN LEPAS SETELAH MENDAPATI MEREKA BERSALAH MELAKUKAN PERBUATAN ITU DI LAPANGAN TERBANG ANTABANGSA BAYAN LEPAS, PULAU PINANG PADA 9 NOV. 1983. -- BERNAMA.

1440MST 07 07 86